

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinannya maka kajian ini telah dapat disiapkan dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha untuk menyiapkan kertas projek ini, terutamanya kepada penyelia saya, Professor Madya Dr. Saedah Siraj yang banyak membantu, membimbing serta memberi dorongan dalam proses untuk menyiapkan kertas projek ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Professor Datin Dr. Rahimah Hj. Ahmad, Pengarah Institut Pengetua, Professor Dr. Khadijah Rohani Mohd Yunus, Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, semua pensyarah dan kakitangan fakulti pendidikan yang telah berusaha memberi ilmu pengetahuan dan tunjuk ajar, di samping menyediakan pelbagai kemudahan untuk saya menyempurnakan kursus Sarjana Kepengetuaan ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pengetua dan guru-guru yang terlibat secara langsung dalam kajian ini, serta semua rakan-rakan seperjuangan dalam program Sarjana Kepengetuaan yang banyak memberi sokongan dan dorongan. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khas buat En. Mohd Johan Zakaria yang banyak membantu dan membimbing dalam penganalisisan data dan statistik.

Akhir sekali, ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat isteri tersayang, Puan Noorazita Kim Abdullah yang telah banyak berkorban, di samping memberi galakan dan dorongan di sepanjang perjalanan untuk menyempurnakan kursus ini, dan kepada anak-anak yang dikasihi, Ammar, Mu'az, Asmaa, Muhammad, dan Aiman, serta kepada kedua-dua ibu bapa yang dikasihi, yang telah bersusah payah mendidik saya hingga sampai ke tahap ini.

ASRI BIN MANSOR  
Institut Pengetua,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.  
2001